

**KAJIAN KEBERKESANAN MEDIA MASSA DALAM MEMUPUK DAN
MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI
NASIONAL**

**PROFESOR DR. MD SALLEH HJ. HASSAN
PROFESOR MADYA DR. EZHAR TAMAM
DR. MEGAT AL IMRAN YASMIN
MOHAMAD PAUZI ABDUL LATIF
MOHAMMAD REZAL HAMZAH
ZAMRE YAACOB
MOHD DZIKRULLAH JUNUS**

**INSTITUT PENGAJIAN KOMUNITI DAN KEAMANAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

DISEMBER 2005

RINGKASAN EKSEKUTIF

“KAJIAN KEBERKESANAN MEDIA MASSA DALAM MEMUPUK DAN MEMPERKUKUHKAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL”

1.0 LATAR BELAKANG

Bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan budaya seperti Malaysia isu perpaduan negara dan integrasi nasional adalah amat penting. Media massa sebagai institusi sosial dalam masyarakat diharapkan, malah dituntut untuk sama-sama memainkan peranan untuk memupuk dan memperkuuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional. Berdasarkan kesedaran ini JPNIN, Jabatan Perdana Menteri telah melantik PEKKA, UPM untuk menjalankan kajian Keberkesanan Media Massa Dalam Memupuk dan Memperkukuhkan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 2.1 Mengenal pasti tahap pendedahan masyarakat kepada media massa yang mengandungi mesej perpaduan negara dan integrasi nasional.
- 2.2 Mengenal pasti mesej mengenai perpaduan negara dan integrasi nasional yang di peroleh daripada media massa.
- 2.3 Mengenal pasti persepsi khalayak terhadap keberkesanan media massa dalam menyampaikan mesej mengenai perpaduan negara dan integrasi nasional.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini telah dijalankan di Lembah Kiang yang melibatkan seramai 896 responden terdiri dari pelajar sekolah menengah, mahasiswa universiti dan orang dewasa bekerja. Responden dipilih mengikut nisbah 5:3:2 (Melayu:Cina:India)

yang mewakili pelajar sekolah menengah, mahasiswa universiti dan orang dewasa bekerja.

Data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik tadbir sendiri. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian. Bahagian A mengandungi soalan demografi; Bahagian B berkait dengan tahap pendedahan terhadap media massa; Bahagian C menyentuh jenis mesej perpaduan negara dan integrasi nasional; dan Bahagian D mengenai persepsi terhadap keberkesanan media massa dalam menyampaikan mesej. Pra-uji telah dilakukan untuk memastikan kesahan (validity) dan kebolehpercayaan (reliability) soal selidik ini.

Proses pengumpulan data mengambil masa selama dua bulan iaitu dari bulan September sehingga Oktober 2005. Pengumpulan data telah dijalankan secara berkelompok iaitu di sekolah, universiti dan tempat kediaman yang telah dikenal pasti.

4.0 HASIL KAJIAN

Responden kajian terdiri daripada 52.9 % bangsa Melayu, 29.0% Cina dan 18.0% India. Dari segi kategori publik, responden terdiri daripada 28.1% pelajar sekolah, 30.0% mahasiswa universiti dan 41.9% orang dewasa bekerja. Pendedahan media massa responden menunjukkan saluran TV utama yang ditonton ialah TV3, stesen radio utama yang didengar ialah Era.fm dan akhbar utama yang dibaca ialah Utusan Malaysia. Perbandingan mengikut etnik menunjukkan bahawa ramai responden Melayu menonton TV3, responden Cina dan India menonton ASTRO. Bagi radio pula responden Melayu lebih banyak mendengar stesen Era.fm, responden Cina stesen MY.fm dan responden India stesen THR.fm. Dad segi pembacaan akhbar pula, pilihan utama responden Melayu ialah akhbar Utusan Malaysia, responden Cina membaca akhbar Sin Chew Daily dan responden India membaca akhbar Tamil Nesan.

Tahap pendedahan responden kepada mesej perpaduan dan integrasi nasional daripada media massa adalah sederhana. Daripada 18 mesej yang disenaraikan, sumber utama responden adalah daripada TV, diikuti oleh akhbar dan seterusnya radio. Di antara program/ruangan utama media massa yang dinyatakan oleh responden sebagai sumber mesej ialah berita, iklan dan isu semasa.

Secara amnya lebih daripada separuh responden bersetuju bahawa media massa telah memainkan peranan yang berkesan dalam menyampaikan mesej perpaduan negara dan integrasi nasional. Keberkesanannya ini telah diukur berdasarkan persepsi responden terhadap impak pendedahan mesej kepada diri sendiri mengenai perpaduan negara, impak kepada masyarakat mengenai perpaduan negara dan impak ke atas integrasi nasional serta kesesuaian dan kecukupan mesej perpaduan negara dan integrasi nasional dalam media massa.

Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan etnik terhadap keberkesanannya media massa dalam memupuk dan memperkuatkannya perpaduan negara dan integrasi nasional. Didapati peratus responden Melayu lebih banyak bersetuju bahawa media massa telah berkesan dalam peranannya untuk memupuk dan memperkuatkannya perpaduan negara dan integrasi nasional berbanding responden Gina dan India.

5.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN

Untuk meningkatkan peranan media massa ke arah perpaduan negara dan integrasi nasional adalah dicadangkan untuk perbanyak dan tingkatkan kualiti mesej perpaduan negara dan integrasi nasional dalam televisyen terutamanya menerusi iklan khidmat awam, berita dan isu semasa.

Mewujudkan satu Jawatankuasa Pemantau yang diterajui oleh Jabatan Perpaduan Negara dan integrasi Nasional untuk memantau secara berkala penerimaan masyarakat terhadap mesej perpaduan dan integrasi nasional dalam

media massa. Ini adalah kerana penerimaan audiens terhadap mesej dari media massa mungkin berubah dari semasa ke semasa.

Menganjurkan bengkel penulisan/penerbitan kepada wartawan dan penerbit untuk mereka meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menghasilkan penulisan/penerbitan yang mengandungi mesej perpaduan negara dan integrasi nasional yang berkualiti.

Mewujudkan anugerah tahunan bagi menghargai hasil penulisan/penerbitan yang mengetengahkan isu perpaduan negara dan integrasi nasional.

6.0 CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Menjalankan kajian keberkesanan media massa ini secara tahunan bagi mendapatkan trend penerimaan masyarakat terhadap mesej perpaduan negara dan integrasi nasional. Kajian yang telah dijalankan ini boleh dijadikan penanda aras kepada kajian akan datang.

Menjalankan kajian untuk mengetahui daya tarikan beberapa program tertentu (berita, iklan dan isu semasa) yang mempunyai banyak mesej perpaduan negara dan integrasi nasional. Ini adalah bertujuan untuk memastikan penyampaian mesej mengenai perpaduan negara dan integrasi nasional dalam program ini lebih menarik dan berkesan.

Menjalankan kajian di kalangan belia mengenai peranan media massa dalam memupuk dan memperkuatkan perpaduan negara dan integrasi nasional. Ini adalah kerana golongan ini merupakan pengguna media yang aktif dan mereka berperanan dalam pembangunan masyarakat dan negara pada masa akan datang.